

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan dalam projek Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), jumlah kos terkini ditelan projek itu dan gaji bulanan pengurusan tertinggi ESSCOM mengikut tajuk jawatan masing-masing. Adakah projek ESSCOM patut dibatalkan oleh agensi lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan pengisian jawatan di ibu pejabat ESSCOM setakat 4 JUN 2014 adalah sebanyak 108 orang daripada 199 perjawatan yang telah diluluskan. Jumlah perbelanjaan organisasi ESSCOM setakat ini adalah RM13.7 juta untuk belanja mengurus bagi tempoh 1 Julai 2013 hingga 4 Jun 2014. Belanja pembangunan bagi tempoh 1 Julai 2013 hingga 31 Dec 2013 adalah sebanyak RM 2.43 juta.

2. Jumlah Emolumen (gaji dan elaun) bulanan bagi Pegawai Pengurusan Tertinggi ESSCOM setakat Mei 2014 adalah seperti berikut:

a. Ketua Pengarah	JUSA B
b. Pegawai Tugas-Tugas Khas	JUSA C
c. Pengarah Pertahanan	JUSA C
d. Pengarah Keselamatan	JUSA C
e. Pengarah Risikan Pertahanan	JUSA C
f. Pengarah Risikan Keselamatan	JUSA C
g. Pengarah Awam & Pengurusan	JUSA C

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi Bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap pencapaian ke atas 2 lagi teras utama Model Ekonomi Baru iaitu keterangkuman dan kelestarian, dan apakah cabaran utama yang perlu ditangani untuk 2 teras ini yang boleh membantu Malaysia mencapai tahap negara pendapatan tinggi seawal 2018.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Model Ekonomi Baru (MEB) yang telah diperkenalkan pada tahun 2010, tiga matlamat telah digariskan oleh Kerajaan iaitu berpendapatan tinggi, keterangkuman dan juga kelestarian pada tahun 2020. Usaha ini diterjemahkan melalui pelaksanaan program seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi memastikan pelaksanaan program yang lebih berstruktur untuk memacu pertumbuhan negara. Di antara pencapaian 2 teras utama iaitu keterangkuman dan kelestarian di bawah MEB adalah seperti berikut:

- i) **Keterangkuman** – sebagai prasyarat untuk memupuk perasaan kekitaan. Pertumbuhan yang menyokong golongan miskin akan memastikan bahawa tiada kumpulan yang akan dipinggirkan dan keperluan asas rakyat akan dipenuhi. Antara pencapaian di bawah teras ini adalah:
  - kadar kemiskinan di Malaysia telah menyusut daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 1.7% pada tahun 2012. Penurunan kadar kemiskinan disumbangkan melalui program-program pembasmian kemiskinan, peningkatan pendapatan dan inisiatif Akhiri Zaman Miskin (1AZAM);

- berdasarkan maklumat daripada sistem eKasih, seramai 188,000 rakyat telah terkeluar daripada belunggu kemiskinan pada akhir tahun 2013;
  - 4.5 juta penduduk luar bandar berjaya ditingkatkan mutu kehidupan mereka melalui peningkatan akses kepada keperluan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, air bersih, jalan berturap dan rumah berkualiti; dan
  - mengikut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS), kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja telah menunjukkan peningkatan yang mampan daripada 46.8% pada 2010 kepada 52.4% pada tahun 2013.
- ii) **Kelestarian** – bertujuan untuk memastikan bahawa semua langkah yang hendak diambil di bawah MEB adalah mampan dari segi kemampuan kewangan Kerajaan, ekonomi dan alam sekitar. Kemampanan fiskal sektor awam merupakan komponen penting dan diberi perhatian serius oleh Kerajaan. Ini dapat dilihat di mana tahap defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah dapat dikurangkan daripada 5.4% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2010 kepada 3.9% pada tahun 2013. Dari segi alam sekitar pula, indeks komponen alam sekitar (Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia) telah menunjukkan peningkatan positif 7.3% daripada tahun 2010 kepada tahun 2012. Peningkatan ini mencerminkan prestasi baik kualiti air, kualiti udara, kawasan berhutan dan purata suhu.

Di sebalik pencapaian di atas, masih terdapat pelbagai cabaran dihadapi, antaranya adalah ekspektasi rakyat yang lebih tinggi terhadap tahap perkhidmatan Kerajaan, peningkatan keperluan pengangkutan awam khususnya di bandar-bandar besar, dan kekurangan pekerja mahir untuk mengusahakan projek bagi memacukan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dialami, *Delivery Taskforce* (DTF) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri akan membincangkan masalah yang dibangkitkan demi memastikan pelaksanaan akan berjalan dengan lancar. Selain itu, *Steering Committee* (SC) yang dipengerusikan oleh YB Menteri kementerian-kementerian yang terlibat juga diadakan untuk menangani cabaran dan isu yang dihadapi.

Sekian. Terima kasih.